

8 peserta projek akuakultur integrasi mampu raih RM60,000 setahun

Nazdy Harun
am@hmetro.com.my



Marang: Lapan peserta dijangka mampu meraih RM60,000 setahun hasil Projek Akuakultur Integrasi Kampung Padang Limau Nipis di sini.

Projek yang dilaksanakan di kampung itu adalah ketiga diwujudkan di bawah program SejaTI MADANI.

Penasihat projek yang juga pensyarah Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Prof Madya Dr Liew Hon Jung berkata, projek pertama di bawah program itu dilaksanakan di Kampung Mengabang Telipot, Kuala Nerus dengan kos RM50,000, manakala projek kedua di Kampung Padang Pak Wan, Marang, dengan kos RM100,000.

Katanya, untuk projek terbaru itu sebanyak 3,000 benih ikan talapia dimasukkan ke dalam lima tangki kanvas.

"Baki 3,000 lagi benih ikan akan dimasukkan secara berperingkat menjadikan jumlah keseluruhan 6,000 bagi 10 tangki kanvas untuk projek ini.

"Kita menggunakan konsep integrasi ikan talapia dengan tanaman iaitu prinsip ternakan ikan dalam sistem kanvas dan air ternakan ikan disalurkan kepada tanaman sebagai air buangan untuk dijadikan baja tambahan kepada tanaman," katanya.

Beliau ditemui selepas majlis perasmian Projek Akuakultur Integrasi Kampung Padang Limau Nipis di sini, hari ini.

Menurutnya, kos bagi projek berkenaan berjumlah RM100,000 dan ikan akan ditenak tiga pusingan setahun yang mana setiap pusingan akan menjana pendapatan bernilai RM20,000.

Katanya, ikan yang ditenak boleh dijual dalam tempoh empat hingga lima bulan, manakala sayuran pula pada tempoh tiga bulan.

Beliau berkata, projek berkenaan sebagai model bagi menjana pendapatan kepada penduduk setempat.

"UMT di bawah Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan menyediakan empat khidmat kepakaran iaitu dalam bidang akuakultur, nutrisi makanan, pembiakan ikan dan pengurusan sistem ternakan," katanya.

Peserta projek itu, Zarina Mahmud, 55, berkata, projek berkenaan dapat menambah pendapatan mereka selain dapat mendalami ilmu baru berkaitan ternakan ikan air tawar.

"Kalau nak lakukan sendirian mungkin mustahil kerana kos yang tinggi dan kami tidak mempunyai kepakaran namun melalui projek berkelompok ini semuanya menjadi semakin mudah.

"Selain melakukan kerja-kerja membuat kuih sebagai kerja hakiki, saya kini mempunyai tugas baru iaitu menjaga kolam ikan dan sayuran," kata nenek kepada 11 orang cucu itu.

Pengurus projek, Azmi Muda, 62, pula berkata, dengan terlaksananya projek itu, selain dapat meningkatkan ekonomi penduduk ia juga sebagai pekerjaan tambahan kepada ahli.

"Ilmu yang diperoleh melalui kepakaran yang disumbangkan oleh UMT boleh digunakan untuk memperbesarkan projek berkenaan pada masa akan datang.

"Alhamdulillah, Program SejaTI MADANI itu menjadi 'payung' dan platform yang signifikan dalam memperkasakan komuniti luar bandar," katanya.

Disiarkan pada: Januari 21, 2025 @ 2:16pm